



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN)**

**Kementerian atau Jabatan:**

**Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri / persekutuan  
dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-


No. Sebut Harga	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
P0001/24	Jenis Kenderaan: <b>Van Kaunter Bergerak</b> Buatan: <b>Weststar LDV</b> Model: <b>Maxus LWBHR (M)</b> Tahun Dibuat: <b>2012</b>	NCQ 6943	1	15,000.00
P0003/24	Jenis Kenderaan: <b>Motokar</b> Buatan: <b>Proton</b> Model: <b>Saga FL 1.3 CVT</b> Tahun Dibuat: <b>2015</b>	NDB 9751	1	7,000.00

2. Aset boleh dilihat bermula pada **05 April 2024 hingga 19 April 2024** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** seperti di keterangan berikut:-

<b>Alamat Lokasi Aset</b>
<p>Stor Majlis Perbandaran Port Dickson, Batu 1, Jalan Seremban, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.</p>



3. Kehadiran penyebutharga bagi melihat fizikal Pelupusan Aset Alih, perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor (BPAS) menghubungi Puan Noridayu binti Muhamad di talian 06 647 1122 sambungan 1907.
4. Tawaran sebutharga dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) boleh diperolehi dan dimuat turun secara percuma di PORTAL MPPD melalui laman sesawang [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my) . Tempoh sah laku tawaran adalah **90 hari** dari tarikh sebutharga ditutup.
5. Kakitangan Majlis Perbandaran Port Dickson tidak dibenarkan menyertai sebut harga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
6. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan **sampul surat saiz A4 berlakri beserta Deposit Sebut harga 5% daripada harga tawaran** dan di tanda No.Sebut harga P \_ \_ \_ \_ /24 dibahagian atas kanan sampul dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:  
  
**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Port Dickson,  
KM 1, Jalan Pantai, Blok A,  
71009 Port Dickson,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
(u.p.: Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor).**
7. Tarikh tutup sebut harga pada **26 April 2024 (Jumaat) jam 12:00 tengah hari**. Tawaran Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
8. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa ulasan di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.

Tandatangan :  .....

Nama Pegawai : **HASNOR BIN ABD HAMID** .....

Jawatan : **Yang Dipertua** .....

Tarikh : **4/4/2024** .....



## SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. **Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja atas nama YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON.**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri. Penyebutharga yang berjaya hendaklah memberi bukti bergambar bahawa tindakan menanggalkan logo dan stiker MPPD atau seumpamanya telah diambil. Jika gagal, bayaran deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
7. Tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos, hendaklah memastikan tawaran tersebut diterima oleh MPPD sebelum tarikh dan waktu sebut harga ditutup.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah selesai membuat tukar hak milik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh 7 hari dari tarikh mengambil aset. Jika gagal, MPPD berhak mengambil semula aset dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.